

**FAKULTI UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI MALAYA**

**Buku Panduan Sarjana Muda Jurisprudens
2020/2021**

KANDUNGAN

Kalendar Pengajian Akademik

Carta Organisasi Fakulti

Matlamat Program Pengajian

Hasil Pembelajaran Program

Struktur Pentadbiran

Tenaga Pengajar

Ringkasan Kursus

Akta Universiti Dan Kolej Universiti 1971

Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999

Rancangan Pendidikan Undang-Undang Lanjutan (LEEP)

Penerbitan Fakulti

Kuliah Umum

Perpustakaan Undang-Undang Tan Sri Profesor Ahmad Ibrahim

KALENDAR PENGAJIAN

PROGRAM SARJANA MUDA JURISPRUDENS/PROGRAM SARJANA MUDA JURISPRUDENS (EKSTERNAL)

SESI AKADEMIK 2020/2021		
Pendaftaran Pelajar Baru	1 hari	7 November 2020
Permohonan Pemindahan Kredit Pelajar Baru	4 minggu	9 November 2020 – 7 Disember 2020
Kursus Pengenalan	3 minggu 4 minggu	21 November 2020 – 6 Disember (Tahun 1) 19 Disember 2020 – 24 Januari 2021 (Tahun 2)
Pengaktifan Status Akademik/Pendaftaran Kursus Bagi Tujuan Menduduki Peperiksaan	4 minggu	6 Januari 2021 – 2 Februari 2021
Pendaftaran Lewat bagi Pengaktifan Status Akademik (Sesi Kemasukan 2018/2019 dan sebelumnya sahaja)	4 minggu	3 Februari 2021 – 2 Mac 2021
Rayuan Pendaftaran Kursus Bagi Tujuan Menduduki Peperiksaan (Sesi Kemasukan 2018/2019 dan sebelumnya sahaja)	6 minggu	3 Februari 2021 – 16 Mac 2021
Penambahan Pendaftaran Kursus (Sesi Kemasukan 2018/2019 dan sebelumnya sahaja)	10 minggu	6 Januari 2021 – 16 Mac 2021
Penarikan diri dari kursus/sesi	10 minggu	6 Januari 2021 – 13 Mac 2021
Rayuan Pengaktifan Semula Status Akademik (Sesi Kemasukan 2018/2019 dan sebelumnya sahaja)	14 minggu	3 Mac 2021 – 16 April 2021
Penghantaran Tugas (Kursus Wajib Universiti)		
GIG1015 Penghayatan Etika & Peradaban	13 minggu	6 April 2021 – 12 April 2021
GIG1014 Falsafah & Isu Semasa GIG1010 Literasi Maklumat GLT1016 English for Law	35 minggu	7 September 2021 – 13 September 2021
Peperiksaan (Kursus Wajib Universiti)		
GIG1014 Falsafah & Isu Semasa GIG1015 Penghayatan Etika & Peradaban	15 minggu	20 April 2021
Ujian (Kursus Teras & Elektif Program)		
Peperiksaan Tambahan	1 minggu	24 April 2021 – 2 Mei 2021
Ujian (Kursus Wajib Universiti)	34 minggu	6 September 2021
GLT1016 English for Law		

Peperiksaan

Kursus Wajib Universiti

GIG1010 Literasi Maklumat	35 minggu	8 September 2021
Kursus Teras & Elektif Program	3 minggu	13 September 2021 – 2 Oktober 2021
Keputusan Peperiksaan	6 minggu	November 2021
Rayuan Semakan Semula Peperiksaan	2 minggu	Selepas Keputusan Peperiksaan Dikeluarkan

**CARTA ORGANISASI FAKULTI
STAF PENTADBIRAN**

DEKAN
Dato' Prof. Madya Dr. Johan Shamsuddin Sabaruddin

SETIAUSAHA PEJABAT
Siti Fareha Mohammad Ramli

**TIMBALAN DEKAN
(IJAZAH DASAR)**
Datin Prof. Madya Norbani Mohamed Nazeri

**TIMBALAN DEKAN
(PENYELIDIKAN)**
Dr. Ainee Adam

**TIMBALAN DEKAN
(IJAZAH TINGGI)**
Dr. Nadhratul Wardah Salman

**PENYELARAS PROGRAM
B. JURIS**
Dr. Zulazhar Tahir

**SETIAUSAHA
PEJABAT**
Murshida Syaril

PEMBANTU TADBIR
Nadia Mohamed Ismail

**SETIAUSAHA
PEJABAT**
Maizatul Akmar Mohd Amin

PENOLONG PENDAFTAR
Siti Wirni Mohamed

**PEGAWAI TADBIR
(PEJABAT PENGURUSAN
PENYELIDIKAN)**
Fanty Hardiana binti Minto

**PEGAWAI TADBIR
(PUSAT PENYELIDIKAN)**
Nurin Hanani Baharul Azhar

**PEGAWAI PROJEK
(VISIBILITI & IT)**
Raymond Vincent Linus Nunis

PENOLONG PENDAFTAR
Raihul Amar Md. Ali

PENOLONG PEGAWAI TADBIR
Nurul Syahidatul Amira Ahmad Shamsudin

PEMBANTU TADBIR
Siti Zaliha A Rahim

**PENOLONG PENDAFTAR
KANAN**
Nohzah Zulkarnain

PENOLONG JURUTERA
Roshafizan Yusof
Ahmad Fazreen Abdul Rashid

PEMBANTU TADBIR
Nor Kesumawati Muslin
Amy Hazlina Abdul Rahman

PEMBANTU TADBIR (K)
Raja Maizanariah Raja Azmi

PEMBANTU OPERASI
Ahmadi Mohd Ramli


PENOLONG PENDAFTAR
Nur Hidayah Nasaruddin

**PENOLONG PEGAWAI
TADBIR**
Nur Ain Abd Hamid


PEMBANTU TADBIR
Al Zarinah Awang Mohktar

**CARTA ORGANISASI
STAF AKADEMIK**

DEKAN
Dato' Prof. Madya Dr. Johan Shamsuddin Sabaruddin



CARTA ORGANISASI PROGRAM SARJANA MUDA JURISPRUDENS



MATLAMAT PROGRAM

Menghasilkan graduan yang berpengetahuan undang-undang yang berupaya menganalisa isu-isu perundangan semasa serta berkemahiran menyelesaikan permasalahan undang-undang dalam sistem pendidikan secara sendiri dan sepanjang hayat.

VISI

Menjadikan Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya terkenal dalam bidang penyelidikan, penerbitan dan pengajaran.

MISI

Memajukan ilmu pengetahuan undang-undang, pembelajaran dan kemahiran melalui penyelidikan berkualiti, pelajaran dan latihan profesional untuk profesion, negara dan manusia sejagat.

HASIL PEMBELAJARAN PROGRAM

Di akhir program Sarjana Muda Jurisprudens ini, graduan dapat:

- PO1 Menguasai ilmu pengetahuan dan kefahaman berdasarkan prinsip, konsep dan teori serta sumber undang-undang.
- PO2 Mengaplikasi kemahiran praktikal bagi membina hujah untuk tujuan amalan perundangan.
- PO3 Menunjukkan kesedaran kepada tanggungjawab sosial sebagai sumbangan kepada masyarakat dan profesyen guaman.
- PO4 Mempamerkan nilai dan sikap yang berlandaskan etika profesional bidang undang-undang.
- PO5 Mengaplikasi kemahiran berkomunikasi dan kepimpinan dalam pembentukan kerja berpasukan dalam profesion perundangan.
- PO6 Menguasai prinsip dan konsep undang-undang bagi menyelesaikan masalah perundangan.
- PO7 Menerapkan konsep pembelajaran sepanjang hayat dan kemahiran menguruskan maklumat berkaitan undang-undang.
- PO8 Mengaplikasi kemahiran pengurusan dan keusahawanan dalam profesyen perundangan.

STRUKTUR PENTADBIRAN

Dekan	:	Dato' Profesor Madya Dr. Johan Shamsuddin Sabaruddin
Timbalan Dekan (Ijazah Tinggi)	:	Dr. Nadhratul Wardah Salman
Timbalan Dekan (Ijazah Dasar)	:	Datin Profesor Madya Norbani Mohamed Nazeri
Timbalan Dekan (Penyelidikan)	:	Dr. Ainee Adam
Penyelaras Program	:	Dr. Zulazhar Tahir

Pentadbiran

Penolong Pendaftar Kanan	:	Puan Nohzah Zulkarnain
Penolong Pendaftar	:	Puan Siti Wirni Mohamed Puan Raihul Amar Md Ali Cik Nur Hidayah Nasaruddin
Pegawai Tadbir	:	Cik Fanty Hardiana Minto
Pegawai Pengurusan Penyelidikan	:	Puan Nurin Hanani Baharul Azhar
Pegawai Projek	:	Encik Raymond Vincent Linus Nunis Encik Raphael Kok Chi Ren
Setiausaha Pejabat	:	Puan Maizatul Akmar Mohd Amin Puan Murshida Syaril Puan Siti Fareha Mohammad Ramli
Penolong Jurutera	:	Encik Ahmad Fazreen Abd Rashid Encik Roshafizan Yusof
Penolong Pegawai Tadbir	:	Puan Nur Ain Abd Hamid Cik Nurul Syahidatul Amira Ahmad Shamsudin
Pembantu Tadbir (Kewangan)	:	Cik Raja Maizanariah Raja Azmi
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	:	Puan Aida Rasid Puan Norkesumawati Muslin Cik Al Zarinah Awang Mohktar Puan Amy Hazlina Abdul Rahman Puan Nadia Mohd Ismail Puan Nur Atikah Sulaiman Puan Siti Haslina Abdul Rashid Puan Siti Zaliha A Rahim
Pembantu Operasi	:	Encik Ahmadi Mohd Ramli

TENAGA PENGAJAR

**Penyandang Kursi :
Yayasan Tunku
Abdul Rahman**

Datuk Profesor Emeritus Dr. Shad Saleem Faruqi
BA (Wasleyan), LLB (Hons)(Aligarh), LLM (Aligarh), PhD (UIAM)

Bidang Kepakaran
Undang-Undang Perlembagaan
Undang-Undang Pentadbiran Lanjutan

Profesor:

Choong Yeow Choy
LLB (Hons) (Mal), LLM (Harvard), PhD (Melbourne)

Bidang Kepakaran
Acara Sivil
Undang-Undang Syarikat
Undang-Undang Perkongsian
Litigasi Sivil Transnasional
Timbangtara Komersial Antarabangsa

Datin Mary George
BSc (Kerala), LLB (Bangalore), LLM (London), PhD (Sydney)

Bidang Kepakaran
Undang-Undang Antarabangsa Awam
Undang-Undang Udara dan Angkasa Lepas
Undang-Undang Laut
Ekuiti dan Amanah

Profesor Madya:

Jal Zabdi Mohd Yusoff
DPA (UiTM), LLB (Hons), LLM (Mal), PhD (Mal), DSLP (UiTM)

Bidang Kepakaran
Undang-Undang Keterangan
Undang-Undang Jenayah
Undang-Undang Kanak-Kanak
Jenayah Dalam Keluarga

Dato' Johan Shamsuddin Sabaruddin
LLB (Hons) (Mal), LLM (UCL, London), PhD (SOAS, London)

Bidang Kepakaran
Undang-Undang Perlembagaan Malaysia
Undang-Undang dan Masyarakat
Pendidikan Undang-Undang
Undang-Undang dan Keganasan

Md. Khalil Ruslan

Bachelor of Syariah (Mal), MCL (UIAM), PhD (Edinburgh)

Bidang Kepakaran

Undang-Undang Jenayah Islam
Undang-Undang Keterangan Islam
Muamalat

Datin Norbani Mohamed Nazeri

LLB (Hons) (Mal), LLM (LSE London)

Bidang Kepakaran

Undang-Undang Keterangan
Undang-Undang Jenayah
Keadilan dan Kebajikan Juvana
Pendidikan Undang-Undang Untuk Masyarakat

Tay Pek San

BSc, LLB (Hons)(Sydney), LLM (Mal), PhD (Mal)

Bidang Kepakaran

Harta Intelek dan Perindustrian
Undang-Undang Kontrak
Undang-Undang Cap Dagangan

**Profesor Madya:
(Industri)**

Zuraida Rastam Shahrom

LLB (Hons)(Wales), LLM (Mal), CLP

Bidang Kepakaran

Undang-Undang Hak Asasi Manusia
Undang-Undang Terti dan Tafsiran Terti
Undang-Undang Sekuriti (Tindakan Pentadbiran)
Undang-Undang Syarikat

**Felo Penyelidik :
Kanan**

Tie Fatt Hee

BA (Hons)(Mal), Diploma in Education (Mal), M.Ed (Mal), LLB (Hons)(London)
CLP, LLM (Mal), SJD (Bond, Australia)

Bidang Kepakaran

Undang-Undang Syarikat
Undang-Undang Pendidikan
Undang-Undang dan Ekonomi
Undang-Undang Perdagangan Antarabangsa

Felo Penyelidik :

Datin Grace Manoranjitham Singh-Xavier

LLB (Hons) (London), LLM (Mal), LLM (London), CLP,
Diploma in International Commercial Arbitration (London) FCI Arb, FMI Arb

Bidang Kepakaran

Undang-Undang Pembinaan
Undang-Undang Tanah
Undang-Undang Timbangtara
Penyelesaian Pertelingkahan Alternatif
Undang-Undang dan Pemaju Perumahan
Undang-Undang dan Ambil Milik Tanah

Ramy Bulan

LLB (Hons) (Mal), LLM (Bristol), PhD (ANU, Australia)

Bidang Kepakaran

Ekuiti dan Amanah (termasuk Pentadbiran Harta Pesaka)
Sistem Undang-Undang di Malaysia
Orang Asal dan Undang-Undang Hak Asasi Antarabangsa
Undang-Undang Adat
Hak-Hak Kumpulan Minoriti dan Orang Asal

Pensyarah Kanan:

Abd Muhsin Ahmad

Bachelor of Syariah (Mal), MCL (UIAM)

Bidang Kepakaran

Undang-Undang Islam
Undang-Undang Keterangan Islam
Undang-Undang Jenayah Islam
Undang-Undang Keluarga Islam

Abdul Samad Abdul Ghani

LLB (Hons) (Liverpool), LLM (Wales), PhD (Leeds)

Bidang Kepakaran

Undang-Undang Tort
Keadilan Jenayah, Kriminologi, Viktimologi
Jenayah Siber
Privasi
Jurisprudens

Ahmad Saufi Abdul Rahman

LLB (Hons)(Mal), LLM (Mal)

Bidang Kepakaran

Undang-Undang Syarikat
Undang-Undang Kontrak
Urusan-Urusan Perdagangan

Ainee Adam

LLB (Hons)(UIAM), LLM (Intellectual Property) (Monash), PhD (Monash)

Bidang Kepakaran

Undang-Undang Hak Cipta Antarabangsa

Undang-Undang Harta Intelek

Jenayah Harta Intelek

Sejarah Undang-Undang Harta Intelek

Faizah Nazri Abd Rahman

LLB (Hons) (SHU), LLM (Soton), PhD (City Lond)

Bidang Kepakaran

Undang-Undang Maritim

Undang-Undang Tort

Undang-Undang Persatuan

Undang-Undang Kontrak

Farah Nini Dusuki

LLB (Hons) (UIAM), MCL (UIAM), PhD (Cardiff)

Bidang Kepakaran

Undang-Undang Kanak-kanak

Pentadbiran Keadilan Jenayah

Kaedah Undang-Undang

Undang-Undang Kontrak

Izura Masdina Mohamed Zakri

LLB (Hons) (Manchester Met), LLM (Nottingham), PhD (Mal)

Bidang Kepakaran

Undang-Undang Antarabangsa

Undang-Undang Kontrak

Undang-Undang Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Mohammad Ershadul Karim

LLB (Hons) (London), LLM (Dhaka), PhD (Mal)

Bidang Kepakaran

Undang-Undang Nanoteknologi dan Polisi

Undang-Undang Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Undang-Undang Hak Asasi Manusia

Undang-Undang dan Sains

Tort

Undang-Undang Antarabangsa Awam

Comparative Law and Legal System

Mohammad Firdaus Abdul Aziz

BSc (Hons) (Mal), MA (Sheffield), D.Phil (Oxon)

Bidang Kepakaran

Regulation Law and Ethics of Stemcell Research

Undang-Undang Biodiversiti

Undang-Undang Biosafeti

Nadhratul Wardah Salman

LLB (Hons) (UIAM), LLM (Mal), M. Res (Leeds Met), PhD (Manchester Met)

Bidang Kepakaran

Undang-Undang Sukan

Undang-Undang Perlembagaan

Undang-Undang Tort

Nurhalida Mohamed Khalil

LLB (Hons) (Mal), LLM (London)

Bidang Kepakaran

Undang-Undang Hak Asasi Manusia dan Kemanusiaan Antarabangsa

Undang-Undang Perlembagaan

Nur Jaanah Abdullah

LLB (Hons)(Mal), LLM (Mal), PhD (Manchester)

Bidang Kepakaran

Pentadbiran Keadilan Jenayah

Undang-Undang Insurans

Undang-Undang Kesihatan Umum

Remedi

Jenayah Siber

Mediation Language and Law

Pardis Moslemzadeh Tehrani

LLB (Ferdowsi Uni. Of Mashhad), LLM (Islamic Azad Uni), PhD (UKM)

Bidang Kepakaran

Undang-Undang Siber

Undang-Undang Harta Intelek

Undang-Undang Teknologi Maklumat

Undang-Undang dan Masyarakat

Undang-Undang Hak Asasi Manusia dan Kemanusiaan Antarabangsa

Sarah Tan Yen Ling

LLB (Hons)(Lond), LLM (Auckland), CLP, PhD (Mal)

Bidang Kepakaran

Undang-Undang Antarabangsa

Undang-Undang Alam Sekitar
Jurisprudens

Saw Tiong Guan

LLB (Hons) (Mal), LLM (Mal), PhD (Melbourne)

Bidang Kepakaran

Undang-Undang Pentadbiran
Undang-Undang Perlembagaan
Undang-Undang Media

Sharon Kaur Gurmukh Singh

LLB (Hons) (Cardiff), MA (Medical Law & Ethics) (Kings), PhD (UCL)

Bidang Kepakaran

Undang-Undang Perubatan
Etika Perubatan
Undang-Undang Perlembagaan
Jurisprudens

Sherin Kunhibava

LLB (Hons) (London), CLP, LLM (Mal), PhD (Monash)

Bidang Kepakaran

Undang-Undang Perbankan dan Kewangan Islam
Undang-Undang Komersial
Derivatif Islam
Pasaran Modal Islam

Sik Cheng Peng

LLB (Hons) (Mal), LLM (Mal), PhD (Mal)

Bidang Kepakaran

Undang-Undang Hak Cipta
Undang-Undang Tanah
Undang-Undang Harta Intelekt

Sridevi Thambapillay

LLB (Hons), LLM (Mal), PhD (Mal)

Bidang Kepakaran

Undang-Undang Keluarga
Undang-Undang Pentadbiran
Urusan Bank dan Suratcara Urusniaga

Sujata Balan

LLB (Hons) (London), LLM (Mal), PhD (Mal)

Bidang Kepakaran

Amalan Profesional
Undang-Undang Syarikat
Prosedur Sivill

Usharani Balasingam

LLB (Hons) (Mal), LLM (Mal), PhD (UNISEL)

Bidang Kepakaran

Undang-Undang Persatuan
Undang-Undang Pendidikan
Sistem Undang-Undang Malaysia
Ekuiti dan Amanah

Zalina Abdul Halim

LLB (Hons) (Mal), LLM (Melbourne), PhD (Manchester)

Bidang Kepakaran

Kaedah Undang-Undang
Undang-Undang Media
Undang-Undang dan Masyarakat
Undang-Undang Tanah
Metodologi Penyelidikan
Pendidikan Undang-Undang

Zulazhar Tahir

LLB (Hons)(Mal), LLM (Mal), PhD (Mal)

Bidang Kepakaran

Prosedur Jenayah
Undang-Undang Jenayah
Sistem Undang-Undang Malaysia

***Pensyarah Kanan
(Industri):***

Magesan R. Ayavoo

LLB (Hons) (London), LLM (East London), CLP

Bidang Kepakaran

Prosedur Jenayah
Amalan Profesional

Pensyarah:

Aisyah Mohd Soberi

LLB (Hons)(Mal), MCJ (Mal)

Bidang Kepakaran

Undang-Undang dan Masyarakat
Undang-Undang Keterangan

Pendidikan Undang-Undang Secara Klinikal

Muhammad Hameedullah Md Asri

BHSc (Pol. Sci.) (Hons) (IIUM), LLM (IIUM)

Bidang Kepakaran

Undang-Undang Jenayah

Undang-Undang Jenayah Islam

Undang-Undang Perlembagaan

Undang-Undang Antarabangsa

Najwa Rosli

LLB (Hons)(UIAM), LLM (Manchester), PhD (Mal)

Bidang Kepakaran

Ekuiti dan Amanah

Kaedah Undang-Undang

Tort

Nur Husna Zakaria @ Kira

LLB (Hons)(Mal), LLM (Corporate Law), CLP

Bidang Kepakaran

Perangkaan Perundangan

Pengenalan Kepada Undang-Undang Persaingan

Nor Asyikeen Mohd Salleh

LLB (Hons)(UIAM), LLM (Harta Intelek) (UKM)

Bidang Kepakaran

Undang-Undang Tanah

Pengenalan Kepada Harta Intelek

Simon Alexander Wood

B. Comm (Melbourne), LLB (Melbourne), LLM (Mal)

Bidang Kepakaran

Hak Asasi Manusia

Undang-Undang Jenayah (Anti Keganasan)

Stewart Manley

Bachelor of Arts (Bowdoin College), Master of Arts (Columbia University), Doctor of Jurisprudence (Uni. of Arizona)

Bidang Kepakaran

Moot

Ekuiti dan Amanah

SARJANA MUDA JURISPRUDENS

Pengenalan

Sarjana Muda Jurisprudens [dahulunya dikenali sebagai Sarjana Muda Jurisprudens (Eksternal)] adalah suatu ijazah akademik dan tidak termasuk pengajian kursus prosedur dan amali. Ijazah ini diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang Malaysia dan melayakkan pemegang ijazah untuk mengambil Peperiksaan Sijil Amalan Guaman (CLP).

Pemegang ijazah ini yang ingin memasuki profesyen undang-undang hendaklah mematuhi keperluan tambahan yang ditetapkan oleh Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang mengikut Akta Profesion Undang-Undang 1976, dan mereka dinasihatkan berhubung dengan Setiausaha, Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang, Unit 22-01, Aras 22, Menara 2, Menara Kembar Bank Rakyat, No. 33, Jalan Rakyat, 50470 Kuala Lumpur.

Peperiksaan untuk ijazah ini akan diadakan sekali setiap tahun di Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Pelajar boleh menjawab kertas soalan peperiksaan sama ada dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris.

Seorang pelajar dianggap telah mendaftar untuk Sarjana Muda Jurisprudens apabila beliau telah memenuhi semua keperluan, walau apapun bentuknya, yang ditetapkan oleh Universiti, dan sebagai tambahan, telah membayar yuran atau yuran-yuran yang ditetapkan.

Pelajar program Sarjana Muda Jurisprudens dikehendaki membuat persiapan sendiri untuk peperiksaan dengan pengajian persendirian. Bagi pelajar-pelajar yang berminat, mereka boleh mendaftar bagi Kursus-Kursus Tambahan, Ulangkaji dan Intensif yang dianjurkan di bawah Rancangan Pendidikan Undang-Undang Lanjutan (LEEP) dengan membayar yuran kursus pada kadar yang telah ditetapkan. Pelajar program Sarjana Muda Jurisprudens tidak dibenarkan menghadiri kuliah, seminar dan tutorial yang diadakan untuk pelajar sepenuh masa di Universiti Malaya.

Pelajar program Sarjana Muda Jurisprudens dibenarkan mengguna Perpustakaan Undang-Undang Universiti Malaya untuk mendapatkan maklumat serta kemudahan yang disediakan di perpustakaan setelah membayar yuran perpustakaan sebanyak RM100 setahun.

KURSUS YANG DITAWARKAN

KOMPONEN	TAHUN 1		TAHUN 2		TAHUN 3	
	MATA PELAJARAN	KREDIT	MATA PELAJARAN	KREDIT	MATA PELAJARAN	KREDIT
Kursus Wajib Universiti	1. GIG1010 (Literasi Maklumat)	3	1. GIG1015 (Penghayatan Etika dan Peradaban)	3	1. GIG1009 (Asas Pembudayaan Keusahawanan)	3
	2. GIG1014 (Falsafah dan Isu Semasa)	3	2. GLT1016 (English for Law)	4	2. GIG1011 (Jalinan Masyarakat)	3
Kursus Teras Program	3. LIB1001 (Sistem Undang-Undang Malaysia)	8	3. LIB2001 (Ekuiti, Amanah & Pentadbiran Pusaka)	8	3. LIB3001 (Jurisprudens dan Teori Undang-Undang)	8
	4. LIB1002 (Tort)	8	4. LIB2002 (Undang-Undang Jenayah)	8	4. LIB3002 (Pengenalan Kepada Undang-Undang Antarabangsa Awam)	8
	5. LIB1003 (Undang-Undang Islam)	8	5. LIB2003 (Undang-Undang Perlembagaan)	8	5. LIB3003 (Undang-Undang Syarikat)	8
	6. LIB1004 (Undang-Undang Kontrak)	8	6. LIB2004 (Undang-Undang Tanah)	8		
Kursus Elektif Program			7. Elektif Fakulti (1 kursus)	6	6. Elektif Fakulti (2 kursus)	12
			(1) LIB2005 (Pengenalan Kepada Undang-Undang Perubatan dan Etika Perubatan)	6	(1) LIB2005 (Pengenalan Kepada Undang-Undang Perubatan dan Etika Perubatan)	6
			(2) LIB2006 (Perbankan & Suratcara Urusniaga)	6	(2) LIB2006 (Perbankan & Suratcara Urusniaga)	6
			(3) LIB2007 (Undang-Undang Insurans)	6	(3) LIB2007 (Undang-Undang Insurans)	6
			(4) LIB2008 (Undang-Undang Jenayah dan Keterangan Islam)	6	(4) LIB2008 (Undang-Undang Jenayah dan Keterangan Islam)	6
			(5) LIB2009 (Undang-Undang Keluarga)	6	(5) LIB2009 (Undang-Undang Keluarga)	6
			(6) LIB2010 (Undang-Undang	6		

			Pekerjaan dan Perhubungan Perusahaan di Malaysia)		(6) LIB2010 (Undang-Undang Pekerjaan dan Perhubungan Perusahaan di Malaysia)	6
			(7) LIB2011 (Undang-Undang Pentadbiran)	6		
			(8) LIB2012 (Undang-Undang Siber)	6	(7) LIB2011 (Undang-Undang Pentadbiran)	6
			(9) LIB2013 (Urusan-Urusan Perdagangan)	6	(8) LIB2012 (Undang-Undang Siber)	6
			(10) LIB2014 (Urusniaga Tanah)	6	(9) LIB2013 (Urusan-Urusan Perdagangan)	6
			(11) LIB2015 (Undang-Undang Sukan)	6	(10) LIB2014 (Urusniaga Tanah)	6
					(11) LIB2015 (Undang-Undang Sukan)	6
Jumlah Kredit		38		45		42

RINGKASAN KURSUS

LIB1001 – Sistem Undang-Undang Malaysia

Kredit	:	8
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah	:	Pemikiran Kritis dan Penyelesaian Masalah Etika dan Moral Profesional
Pemberatan Penilaian	:	Penilaian Berterusan: 40% Peperiksaan Akhir: 60%
Pensyarah	:	Penyelaras Program Sarjana Muda Jurisprudens
Sinopsis Kandungan Kursus	:	Kursus ini terbahagi kepada dua bahagian yang merangkumi perbincangan mengenai Kaedah undang-undang dan Sistem Perundangan Malaysia dan juga Undang-Undang, Masyarakat dan profesion guaman.

LIB1002 – Tort

Kredit	:	8
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Melayu/Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah	:	Etika dan Moral Profesional
Pemberatan Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%
Pensyarah	:	Penyelaras Program Sarjana Muda Jurisprudens
Sinopsis Kandungan Kursus	:	Tort merupakan suatu kesalahan sivil terhadap seseorang atau sekumpulan individu. Undang-Undang Tort membolehkan mangsa tort mendapatkan remedi yang biasanya dalam bentuk pampasan kewangan daripada pelaku tort akibat perbuatan atau ketinggalan yang diiktiraf sebagai tort. Kursus ini memfokus kepada tort berniat, kecuaiian, fitnah, tanggungan beralih, tanggungan penghuni, kacau ganggu dan tanggungan tegas.

LIB1003 – Undang-Undang Islam

Kredit	:	8
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Melayu
Kemahiran Insaniah	:	Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat Etika dan Moral Profesional
Pemberatan Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%
Pensyarah	:	Penyelaras Program Sarjana Muda Jurisprudens
Sinopsis Kandungan Kursus	:	<p>Kursus ini membincangkan mengenai kedudukan Undang-Undang Islam dalam Islam sendiri, prinsip-prinsipnya, kaedah-kaedah umum, sumber-sumber dan sejarah perkembangannya. Juga mengenai perkembangan dan pelaksanaan Undang-Undang Islam di Malaysia.</p> <p>Kursus ini membincangkan mengenai latar belakang perkembangan Undang-Undang Keluarga Islam, pelaksanaan Undang-Undang Keluarga Islam kini dan mengkaji kes-kes berkaitan Undang-Undang Keluarga Islam yang diputuskan di Malaysia.</p>

LIB1004 – Undang-Undang Kontrak

Kredit	:	8
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah	:	Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat Etika dan Moral Profesional
Pemberatan Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 100%
Pensyarah	:	Penyelaras Program Sarjana Muda Jurisprudens

Sinopsis Kandungan Kursus : Kursus ini bertujuan untuk memperkenalkan prinsip-prinsip undang-undang kontrak di Malaysia kepada pelajar-pelajar supaya mereka boleh memahami peranan undang-undang kontrak dalam transaksi komersial. Kursus ini melibatkan kajian mengenai prinsip-prinsip am undang-undang kontrak di Malaysia di bawah Akta Kontrak 1950 dan kes-kes yang telah diputuskan.

Ia memberi pemahaman mengenai komponen-komponen asas undang-undang kontrak, khususnya pembentukan kontrak, isi kandungan kontrak, kontrak boleh batal, perjanjian batal dan pemecahan kontrak serta cara bagaimana komponen-komponen asas ini terpakai dalam pembentukan perhubungan kontraktual.

Kursus ini memberi pelajar-pelajar pemahaman mengenai kesan-kesan di sisi undang-undang yang timbul dari perhubungan-perhubungan kontraktual tersebut, serta cara bagaimana prinsip-prinsip ini diaplikasikan dalam perjanjian komersial.

LIB2001 – Ekuiti, Amanah & Pentadbiran Pusaka

Kredit	:	8
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah	:	Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah Etika dan Moral Profesional
Pemberatan Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%
Pensyarah	:	Penyelaras Program Sarjana Muda Jurisprudens
Sinopsis Kandungan Kursus	:	<p>Kursus ini memperkenalkan pelajar-pelajar kepada sejarah, asal-usul dan perkembangan ekuiti untuk memberi pengetahuan perihal sifat-sifat dan fungsinya. Peranan ekuiti ditunjukkan melalui maksim-maksim dan doktrin-doktrin ekuiti. Cara ekuiti melindungi hak dan pengendalian harta disisi undang-undang dan ekuiti, khususnya harta amanah, dibincangkan serta remedi-remedi yang diberi oleh ekuiti, yang tidak boleh didapati atau pun tidak memadai di bawah common law. Kursus ini juga membincangkan kaedah-kaedah yang terpakai dalam hal perwarisan dan pentadbiran harta pusaka dengan menerapkan pemakaian prinsip-prinsip ekuiti.</p> <p>Kursus ini juga menerangkan asal usul amanah dan perbezaan amanah daripada konsep lain, dan jenis-jenis amanah, serta kewajipan pemegang amanah dalam pengurusan harta amanah untuk kepentingan benefisiari.</p>

LIB2002 – Undang-Undang Jenayah

Kredit	:	8
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah	:	Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah Etika dan Moral Profesional
Pemberatan Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%
Pensyarah	:	Penyelaras Program Sarjana Muda Jurisprudens
Sinopsis Kandungan Kursus	:	Kursus ini akan membincangkan kaedah-kaedah serta prinsip-prinsip asas undang-undang jenayah yang merangkumi liabiliti jenayah serta belaan-belaan di dalam Kanun Keseksaan (Akta 574).

LIB2003 – Undang-Undang Perlembagaan

Kredit	:	8
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah	:	Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat Etika dan Moral Profesional
Pemberatan Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%
Pensyarah	:	Penyelaras Program Sarjana Muda Jurisprudens
Sinopsis Kandungan Kursus	:	Kursus ini merangkumi Konstitusionalisme dan Perlembagaan sebagai undang-undang utama iaitu pengajian prinsip-prinsip umum Perlembagaan, sejarah Perlembagaan Malaysia, tafsiran Perlembagaan, pindaan Perlembagaan, institusi-institusi Yang Dipertuan Agong, Majlis Raja-raja, Badan Perundangan, Eksekutif dan Kehakiman. Kursus ini juga merangkumi Kebebasan Asasi dan kuasa-kuasa khas dan darurat di bawah Perlembagaan Persekutuan.

LIB2004 – Undang-Undang Tanah

Kredit	:	8
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah	:	Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat
Pemberatan Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%
Pensyarah	:	Penyelaras Program Sarjana Muda Jurisprudens
Sinopsis Kandungan Kursus	:	Kursus ini mencakupi: <ul style="list-style-type: none">• Sejarah dan struktur undang-undang tanah di Malaysia;• Elemen-elemen asas sistem pendaftaran hakmilik Torren seperti yang termaktub dalam Kanun Tanah Negara 1965;• Hak dan kuasa Pihak Berkuasa Negeri dalam hal tanah;• Konsep, elemen, prinsip-prinsip dan doktrin ekuiti tanah dan hakmilik tanah;• Doktrin ketidakbolehsangkalan hakmilik/kepentingan berdaftar;• Pindahmilik tanah dan kepentingan dalam tanah, tenansi pajakan dan ismen;• Urusniaga tanah yang melibatkan transaksi jaminan serta sekatan-sekatan kepada pendaftaran urusniaga seperti kaveat;• Permasalahan tuntutan kepentingan berlainan ke atas tanah dan kuasa-kuasa mahkamah di bawah Kanuh Tanah Negara.

LIB3001 – Jurisprudens dan Teori Undang-Undang

Kredit	:	8
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah	:	Kerja Berpasukan Kemahiran Berkomunikasi Kemahiran Kepemimpinan
Pemberatan Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%
Pensyarah	:	Penyelaras Program Sarjana Muda Jurisprudens
Sinopsis Kandungan Kursus	:	Kursus ini memberikan pengenalan kepada teori undang-undang dan juga pengenalan asas kepada pengertian moral dan keadilan serta perkaitannya dengan undang-undang. Pendekatan yang diambil adalah gabungan teori-teori akademik dan aplikasi amali melalui rujukan kepada kes-kes dan perundangan di Malaysia.

LIB3002 – Pengenalan Kepada Undang-Undang Antarabangsa Awam

Kredit	:	8
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah	:	Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah Etika dan Moral Profesional
Pemberatan Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%
Pensyarah	:	Penyelaras Program Sarjana Muda Jurisprudens
Sinopsis Kandungan Kursus	:	Objektif kursus ini adalah untuk memperkenalkan kepada pelajar-pelajar prinsip-prinsip am undang-undang antarabangsa awam. Kursus ini memberi pelajar pemahaman mengenai cara undang-undang antarabangsa diterima dan aplikasinya di dalam konteks semasa.

LIB3003 – Undang-Undang Syarikat

Kredit	:	8
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah	:	Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat
Pemberatan Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%
Pensyarah	:	Penyelaras Program Sarjana Muda Jurisprudens
Sinopsis Kandungan Kursus	:	Peruntukan-peruntukan dalam akta-akta seperti Akta Syarikat 1965 serta keputusan-keputusan mahkamah mengenai tajuk-tajuk yang dinyatakan dalam rangka kursus akan dikaji secara mendalam.

LIB2005 – Pengenalan Kepada Undang-Undang Perubatan dan Etika Perubatan

Kredit	:	6
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah	:	Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah Etika dan Moral Profesional
Pemberatan Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%
Pensyarah	:	Penyelaras Program Sarjana Muda Jurisprudens
Sinopsis Kandungan Kursus	:	Kursus ini bertujuan untuk melengkapkan pelajar dengan pengetahuan asas prinsip, isu-isu dan masalah berhubung dengan undang-undang perubatan dan etika perubatan.

LIB2006 – Perbankan & Suratcara Urusniaga

Kredit	:	6
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah	:	Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah
Pemberatan Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%
Pensyarah	:	Penyelaras Program Sarjana Muda Jurisprudens
Sinopsis Kandungan Kursus	:	Kursus ini mencakupi asas-asas undang-undang perbankan di Malaysia; aspek common law dan juga perundangan-perundangan berkaitan dengan perbankan dan kewangan.

LIB2007 – Undang-Undang Insurans

Kredit	:	6
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah	:	Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat Etika dan Moral Profesional
Pemberatan Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan : 60%
Pensyarah	:	Penyelaras Program Sarjana Muda Jurisprudens
Sinopsis Kandungan Kursus	:	Kursus ini merangkumi prinsip-prinsip utama undang-undang insurans seperti kepentingan boleh insurans, <i>ubberimae fidei</i> , indemniti, agensi, kewajipan pendedahan dan salahnyataan.

LIB2008 – Undang-Undang Jenayah dan Keterangan Islam

Kredit	:	6
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Melayu
Kemahiran Insaniah	:	Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah Etika dan Moral Profesional
Pemberatan Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%
Pensyarah	:	Penyelaras Program Sarjana Muda Jurisprudens
Sinopsis Kandungan Kursus	:	Kursus ini meliputi definisi jenayah, ciri-cirinya, fungsi undang-undang jenayah ini dan juga sumber kepada undang-undang ini. Perbincangan akan tertumpu kepada jenayah-jenayah hudud, qisas dan ta'zir

Kursus meliputi konsep-konsep asas keterangan yang menjadi teras kepada undang-undang keterangan Islam seperti syahadah dan baiyinah, persamaan dan perbezaannya serta tahap-tahap keterangan tersebut diterima didalam mahkamah. Kursus juga melihat kaedah-kaedah keterangan yang lain seperti iqrar (pengakuan), yamin (sumpah), qarinah (relevansi), ilmu al-Qadi (pengetahuan khas kadhi), ra'yu al-khabir (pendapat pakar) dan lain-lain. Beberapa kaedah fiqh yang berkaitan dengan keterangan juga akan dipelajari

LIB2009 – Undang-Undang Keluarga

Kredit	:	6
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah	:	Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat
Pemberatan Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%
Pensyarah	:	Penyelaras Program Sarjana Muda Jurisprudens
Sinopsis Kandungan Kursus	:	Kursus ini memperkenalkan konsep-konsep dan prinsip-prinsip undang-undang keluarga terpilih. Ianya merangkumi undang-undang Domisil, Perjanjian untuk berkahwin, Perkahwinan, Pembubaran perkahwinan, Kesahatarafan dan Pengangkatan, Penjagaan dan Nafkah, Harta perkahwinan, Pembahagian harta dan perwarisan.

LIB2010 – Undang-Undang Pekerjaan dan Perhubungan Perusahaan di Malaysia

Kredit	:	6
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah	:	Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat Etika dan Moral Profesional
Pemberatan Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%
Pensyarah	:	Penyelaras Program Sarjana Muda Jurisprudens
Sinopsis Kandungan Kursus	:	Kursus ini merangkumi perbincangan mengenai perlindungan terma dan syarat kontrak pekerjaan, jenis-jenis penamatan, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, pampasan; gangguan seksual di tempat kerja. Kursus ini juga merangkumi perbincangan mengenai kesatuan sekerja, pendaftaran dan fungsi, pengiktirafan kesatuan sekerja, perundingan kolektif, perjanjian kolektif, proses perundingan perdamaian, pertelingkahan tred dan tindakan perusahaan, penamatan dan pemecatan, mahkamah perusahaan

LIB2011 – Undang-Undang Pentadbiran

Kredit	:	6
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah	:	Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat Etika dan Moral Profesional
Pemberatan Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%
Pensyarah	:	Penyelaras Program Sarjana Muda Jurisprudens
Sinopsis Kandungan Kursus	:	Kursus ini, pada tahap teori, membincangkan topik-topik seperti definisi undang-undang pentadbiran, kedaulatan undang-undang, pengasingan kuasa, kawalan ke atas kuasa-kuasa budi bicara, kuasa untuk membuat perundangan kecil oleh pihak Eksekutif dan penyemakan kehakiman ke atas tindakan pentadbiran. Penekanan akan dibuat ke atas penyemakan kehakiman termasuk kuasa-kuasa di bawah Perenggan 1 Akta Kehakiman Mahkamah 1964. Pengajaran tentang perundangan kecil adalah secara minima. Pada tahap praktikal, pelajar-pelajar dikehendaki menganalisa masalah-masalah semasa yang timbul setiap hari dan mengaplikasikan kaedah-kaedah mengenai penyemakan kehakiman bagi menyelesaikan masalah-masalah tersebut. Kajian perbandingan digunakan untuk menilai kekuatan dan kelemahan sistem perundangan tempatan.

LIB2012 – Undang-Undang Siber

Kredit	:	6
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah	:	Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah
Pemberatan Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%
Pensyarah	:	Penyelaras Program Sarjana Muda Jurisprudens
Sinopsis Kandungan Kursus	:	Kursus ini akan memperkenalkan pelajar kepada kesalahan-kesalahan jenayah dan sivil yang boleh berlaku di alam maya. Kursus ini bertujuan untuk memberi pelajar-pelajar kesedaran mengenai cara bagaimana kesalahan boleh timbul di alam maya serta masalah-masalah yang berkaitan dengannya. Ia juga melibatkan pengajian mengenai undang-undang di Malaysia yang boleh dipakai untuk situasi-situasi tersebut.

LIB2013 – Urusan-Urusan Perdagangan

Kredit	:	6
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah	:	Kemahiran Keusahawanan Etika dan Moral Profesional
Pemberatan Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%
Pensyarah	:	Penyelaras Program Sarjana Muda Jurisprudens
Sinopsis Kandungan Kursus	:	Undang-undang penjualan barangan adalah satu urusan perdagangan yang penting pada masa ini. Tujuan kursus ini adalah untuk mengkaji secara mendalam penjualan barangan sebagai suatu urusan perdagangan.

LIB2014 – Urusniaga Tanah

Kredit	:	6
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah	:	Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat
Pemberatan Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%
Pensyarah	:	Penyelaras Program Sarjana Muda Jurisprudens
Sinopsis Kandungan Kursus	:	Kursus ini akan mengkaji transaksi jual-beli tanah mulai dari peringkat pra-kontrak sehingga pendaftaran. Kaedah-kaedah yang menguasai pemaju rumah turut akan dibincangkan

LIB2015 – Undang-Undang Sukan

Kredit	:	6
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah	:	Etika dan Moral Profesional
Pemberatan Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%
Pensyarah	:	Penyelaras Program Sarjana Muda Jurisprudens
Sinopsis Kandungan Kursus	:	Kursus ini mengkaji perkembangan dan campurtangan undang-undang sebagai forum untuk penyelesaian pertikaian dalam sukan. Ia melibatkan penelitian pelbagai bidang undang-undang dan mengaplikasikannya di dalam konteks sukan dan rekreasi. Tiga topik utama yang akan dibincangkan merangkumi: dasar & tadbir urus sukan, aspek keganasan & keselamatan dalam sukan dan penggunaan dadah dalam sukan.

MAKLUMAT AM KURSUS UNIVERSITI

GIG1010 – Literasi Maklumat

Kredit	:	3
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Malaysia
Kemahiran Insaniah	:	Pemikiran Kritis dan Penyelesaian Masalah; Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat
Kaedah Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 70% Peperiksaan : 30%
Pensyarah	:	Pustakawan Perpustakaan UM

Kursus ini akan meningkatkan perkembangan kemahiran pengurusan maklumat pelajar supaya mereka menjadi pengguna maklumat yang cekap. Kemahiran ini akan menjadi asas kepada pembelajaran sepanjang hayat dan menyumbang kepada kecemerlangan akademik pelajar. Kursus ini memberi tumpuan kepada penggunaan sumber maklumat dan rujukan dalam pelbagai bentuk serta strategi pencarian maklumat yang berkesan. Aspek penilaian maklumat yang diperolehi dan penyediaan senarai rujukan tertentu juga diberi penekanan.

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. Mengenalpasti pelbagai sumber maklumat dan sumber rujukan
2. Mengaplikasi pengetahuan untuk memilih maklumat yang sesuai dari pelbagai sumber
3. Menyediakan senarai rujukan berdasarkan gaya rujukan yang dipilih

Maklumat Tambahan Kursus Literasi Maklumat (GIG1010)

Penilaian

Kursus GIG1010 akan dinilai berdasarkan penilaian berterusan (70%) dan peperiksaan akhir (30%). Gabungan markah bagi kedua-dua cara penilaian tersebut memberi markah sebenar kepada pelajar:

- a. Peperiksaan Akhir (30 peratus) dalam bentuk 50 soalan pelbagai pilihan (MCQ).
- b. Penilaian berterusan berdasarkan kerja kursus (70 peratus):
 - i. Secara individu.
 - ii. Tajuk kerja kursus adalah **BERKAITAN** dengan bidang **UNDANG-UNDANG** secara am dan boleh dipilih dari senarai tajuk kerja kursus seperti yang dinyatakan dalam Buku Panduan.
 - iii. Markah penilaian yang diberikan untuk kerja kursus adalah 70 peratus.
 - iv. Bahasa yang boleh digunakan untuk kerja kursus adalah Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris.
 - v. Hasil kerja kursus tidak melebihi 25 halaman (**tidak termasuk lampiran**).
 - vi. Kerja kursus mesti dihantar ke Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya. **Hanya kerja kursus yang mempunyai rekod penerimaan di peringkat Fakulti Undang-Undang akan dinilai.**
 - vii. Format kerja kursus GIG1010 (Literasi Maklumat) adalah menggunakan *Font* Arial, saiz 12 dan langkau 2 baris (*double spacing*).
 - viii. Penulisan hendaklah mengandungi perkara-perkara berikut:
 - Tajuk kerja kursus
 - Pengenalan atau ulasan mengenai topik kerja kursus
 - Strategi Pencarian:

- Keterangan mengenai sumber-sumber maklumat yang digunakan sebagai bahan rujukan serta penulisan dalam kerja kursus ini.
- Nyatakan perkataan lain (alternatif) yang digunakan semasa membuat pencarian dalam Pendeta Discovery, Pangkalan Data Dalam Talian dan Sumber Web untuk kerja kursus Bahagian A.
- Mengenalpasti jenis dan butiran maklumat bahan untuk Bahagian B, C dan D.
- Nilai bahan-bahan yang diperolehi dari segi ketepatan dengan topik dan kriteria penilaian.
- Nyatakan gaya rujukan yang digunakan dan format untuk kerja kursus Bahagian E dan F.
- Objektif
- Kajian Literatur (2 sitasi *in text* dan rujukan)
- Perbincangan / Kesimpulan
- Lampiran: **Bahagian A, B, C, D, E dan F.**
- Dimuka hadapan kerja kursus (*cover*) nyatakan nama pelajar, no. matrik pelajar, tajuk kerja kursus dan tandatangan pelajar.

GIG1014 – Falsafah dan Isu Semasa

Kredit	:	3
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Malaysia
Kemahiran Insaniah	:	Kerja Berpasukan (TS1, TS2) Etika dan Moral Profesional (EM1, EM2)
Kaedah Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 70% Peperiksaan : 30%
Pensyarah	:	Pensyarah CITrA

Sinopsis Kursus

Kursus ini merangkumi hubungan ilmu falsafah dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Rukun Negara. Penggunaan falsafah sebagai alat untuk memurnikan budaya pemikiran dalam kehidupan melalui seni dan kaedah berfikir serta konsep insan. Topik utama dalam falsafah iaitu epistemologi, metafizik dan etika dibincangkan dalam konteks isu semasa. Penekanan diberi kepada falsafah sebagai asas bagi menjalin dialog antara budaya serta memupuk nilai sepunya. Di hujung kursus ini pelajar akan mampu melihat disiplin-disiplin ilmu sebagai satu badan ilmu yang komprehensif dan terkait antara satu sama lain.

Pada akhir kursus ini pelajar dapat:

1. Menjelaskan asas dan kerangka ilmu falsafah, Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Rukunegara.
2. Menganalisis isu semasa berdasarkan domain utama analisis falsafah dan pelbagai aliran pemikiran utama falsafah.
3. Menilai isu semasa melalui perspektif perbandingan falsafah sebagai asas bagi menjalinkan dialog antara budaya.

Maklumat Tambahan Kursus GIG1014 Falsafah dan Isu Semasa

Kursus GIG1014 Falsafah dan Isu Semasa dinilai berdasarkan penilaian berterusan dan peperiksaan akhir.

Gabungan markah bagi kedua-dua cara penilaian tersebut akan menjadi markah sebenar kepada pelajar iaitu:

1. Peperiksaan Akhir (30%) (kaedah peperiksaan tertakluk kepada perubahan)
2. Penilaian Berterusan (70%) berdasarkan:

(A) Laporan Kajian Kes (30%)

1. Fokus Laporan Kajian Kes : Isu semasa berdasarkan domain utama analisis falsafah dan pelbagai aliran pemikiran utama falsafah.
2. Format penulisan laporan adalah menggunakan *Font Times New Roman*, saiz 12 dan langkau 1.5 baris (*1.5 spacing*).
3. Tugas adalah di antara 2500-3000 patah perkataan tidak termasuk senarai rujukan dan lampiran.
4. Penulisan laporan kajian kes haruslah mengandungi perkara-perkara berikut :
 - i.Tajuk
 - ii.Isi kandungan dan muka surat
 - iii.Pengenalan
 - iv.Latar Belakang Tokoh
 - v.Bidang
 - vi.Sumbangan
 - vii.Isu semasa berdasarkan pelbagai aliran pemikiran falsafah

viii. Domain Analisis Falsafah

- ix. Rujukan (minimum lima **(5)** sumber rujukan yang berautoriti dan disenaraikan mengikut Format APA)
 - x. Lampiran (jika ada)
5. Pada muka hadapan tugas nyatakan nama kursus, tajuk tugas, nama pelajar, no. matrik, sesi pengajian, fakulti dan tarikh serahan tugas.
 6. Tugas hendaklah dihantar melalui SPECTRUM pada minggu ke 12.

(B) Laporan Kajian Lapangan (40%)

1. Fokus Kajian Lapangan : Isu semasa melalui perspektif perbandingan falsafah sebagai asas bagi menjalinkan dialog antara budaya.
2. Format penulisan laporan adalah menggunakan *Font Times New Roman*, saiz 12 dan langkau 1.5 baris (*1.5 spacing*).
3. Tugas adalah di antara 4000-5000 patah perkataan tidak termasuk senarai rujukan dan lampiran.
4. Penulisan laporan kajian lapangan haruslah mengandungi perkara-perkara berikut :
 - i. Pengenalan.
 - ii. Pernyataan Masalah
 - iii. Objektif Kajian
 - iv. Persoalan Kajian
 - v. Skop Kajian
 - vi. Kajian Literatur
 - vii. Metodologi Kajian
 - viii. Dapatan Kajian
 - xi. Rujukan Rujukan (minimum sepuluh **(10)** sumber rujukan berautoriti dan disenaraikan mengikut Format APA)
5. Pada muka hadapan tugas nyatakan nama kursus, tajuk tugas, nama pelajar, no. matrik, sesi pengajian, fakulti dan tarikh serahan tugas.
6. Tugas hendaklah dihantar melalui SPECTRUM pada minggu ke 12.

GIG1015 – Penghayatan Etika dan Peradaban

Kredit	:	3
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Malaysia
Kemahiran Insaniah	:	Etika dan Moral Profesional (EM1, EM2)
Kaedah Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 70% Peperiksaan Akhir : 30%
Pensyarah	:	Pensyarah CITrA

Kursus ini menerangkan tentang konsep etika daripada perspektif peradaban yang berbeza. Ia bertujuan bagi mengenal pasti sistem etika, tahap perkembangan, kemajuan dan kebudayaan sesuatu bangsa dalam mengukuhkan kesepaduan sosial. Selain itu, perbincangan berkaitan isu-isu kontemporari dalam aspek ekonomi, politik, sosial, budaya dan alam sekitar daripada perspektif etika dan peradaban dapat melahirkan pelajar yang bermoral dan profesional. Penerapan amalan pendidikan berimpak tinggi (HIEPs) yang bersesuaian digunakan dalam penyampaian kursus ini. Di hujung kursus ini pelajar akan dapat menghubungkan etika dan kewarganegaraan berminda sivik.

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. Membandingkan teori dan konsep etika daripada pelbagai peradaban.
2. Menganalisis sistem etika, tahap perkembangan sosial dan kebudayaan merentas peradaban.
3. Menilai isu kontemporari berkaitan ekonomi, politik, sosial, budaya dan alam sekitar daripada perspektif etika dan peradaban.

GLT1016 – English for Law

Kredit	:	4
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah	:	Kemahiran Berkomunikasi , Pemikiran Kritis dan Penyelesaian Masalah dan Kerja Berpasukan
Kaedah Penilaian	:	Penilaian Berterusan (100%): e-portfolio, tugas dan ujian.
Pensyarah	:	En. Simon Alexander Wood

Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan tahap kecekapan pelajar dalam kemahiran berkomunikasi bagi membolehkan mereka berfungsi dengan jayanya dalam konteks profesion undang-undang. Pelajar akan menerima latihan di dalam pelbagai situasi yang memerlukan mereka untuk mengaplikasi asas kemahiran Bahasa Inggeris profesional untuk membolehkan mereka menjadi pengamal undang-undang yang cekap. Melalui aktiviti 'moot', pelajar dapat meningkatkan kemahiran advokasi secara bertulis dan lisan di dalam konteks prosiding di mahkamah, di samping memberi peluang kepada mereka untuk menjalankan penyelidikan undang-undang secara bebas dan mendalam.

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. Menyampaikan fakta dan bukti yang tepat beserta alasan-alasan
2. Mempertahankan hujah dan pandangan
3. Menjalankan temu bual dan perundingan undang-undang
4. Membina dan membentangkan hujah berkaitan kes secara bertulis

GIG1009 – Asas Pembudayaan Keusahawanan

Kredit	:	3
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah	:	Kerja Berpasukan (TS1, TS2) Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat (LL1, LL2) Kemahiran Keusahawanan (KK1)
Kaedah Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 100%
Pensyarah	:	Pensyarah CITrA

Kursus ini cuba menerapkan elemen asas pembudayaan keusahawanan kepada pelajar. Inisiatif ini diambil untuk membuka minda dan merangsang semangat keusahawanan di kalangan pelajar. Antara topik yang diajar termasuklah konsep dan perkembangan keusahawanan, kepentingan keusahawanan, kreativiti dan inovasi dalam keusahawanan dan peluang perniagaan dan kemahiran memulakan perniagaan, merancang perniagaan dan akhirnya kemahiran mengurus projek perniagaan. Di samping itu, kursus ini juga memberikan pelajar panduan menyediakan rancangan perniagaan yang lebih bermakna dan memberikan serba sedikit kesan realiti dunia perniagaan yang sebenar.

This course will attempt to inculcate the basic elements of entrepreneurship in the students. Initiatives are taken to open their minds and motivate the entrepreneurial spirit among the students. The course encompasses theory and type's entrepreneurship, the importance of entrepreneurship and factors affecting entrepreneurship, entrepreneurship development in Malaysia, ethics of entrepreneurship, creativity and innovation in entrepreneurship, business opportunity, ability to start a business, developing business plans, skills to run and manage a business. The course also incorporate a preparation of a business plan that gives some direct exposure to the real business environment.

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. Menghuraikan konsep asas keusahawanan dan sorotan kes keusahawanan.
2. Menghasilkan satu rancangan perniagaan.
3. Mengaplikasi kreativiti dan inovasi dalam keusahawanan.

At the end of the course, students are able to:

1. *To describe the basic entrepreneurial concepts and review of entrepreneurial case study.*
2. *To write up a business plan.*
3. *Apply creativity and innovation in entrepreneurship.*

Maklumat Tambahan Kursus Asas Pembudayaan Keusahawanan (GIG1009)

Penilaian

GIG1009 Asas Pembudayaan Keusahawanan dinilai berdasarkan 100% penilaian berterusan, termasuk Kuiz.

(a) Kuiz adalah 30%, merangkumi 30 soalan aneka pilihan. Ia adalah dijalankan secara atas talian.

(b) Penilaian berterusan berdasarkan tugas bertulis dan pembentangan.

- i) Terdapat tiga tugas bertulis, iaitu Kajian Kes (20%), Siri Seminar (10%) dan Rancangan Perniagaan (20%). Kesemuanya adalah tugas berkumpulan. Setiap kumpulan rata-rata terdiri daripada 8-10 pelajar.
- Tugas Kajian Kes adalah berdasarkan bahan rangsangan yang disediakan oleh pensyarah. Pelajar membuat penilaian kritikal ke atas bahan tersebut dan menjawab dua 1 atau 2 soalan fokus yang diajukan. Kajian kes ini boleh mengambil bentuk video, teks, gambar atau pemerhatian lapangan. Hasil tugas tidak melebihi 8 mukasurat, mengikut format yang ditetapkan iaitu *Times New Roman*, saiz mukataip 11, 1.5 *spacing* (tidak termasuk senarai rujukan dan lampiran).
 - Tugas Siri Seminar mengkehendaki pelajar untuk menghadiri satu sesi ceramah bersama penceramah industri jemputan. Daripada 10% yang diperuntukkan, 5% diberi kepada tugas bertulis pendek, di mana pelajar menjawab soalan fokus yang diberikan oleh pensyarah berdasarkan maklumat yang diperolehi dalam seminar. Terdapat satu sesi Q&A dalam seminar ini. 5% yang selebihnya diberi berdasarkan tahap penglibatan aktif pelajar semasa seminar serta komitmen persediaan sebelum seminar.
 - Tugas Rancangan Perniagaan ini melibatkan pelajar menzahirkan idea kreatif dalam bentuk bertulis yang padat dan praktikal. Format tugas boleh berbeza mengikut kerelevanan dan kesesuaian fokus yang dipilih berdasarkan rekabentuk pedagogi. Contohnya rancangan pemasaran perniagaan adalah relevan untuk fokus yang berkaitan dengan pemasaran. Format tugas akan diberi oleh pensyarah. Umumnya, perkara utama dalam rancangan perniagaan termasuklah Tajuk Rancangan Perniagaan, Ringkasan Eksekutif, Kandungan (contohnya Pencadangan Nilai, Segmen Pelanggan, Saluran Pemasaran, analisis SWOT, rakan perniagaan dan Penganggaran Keuntungan), Kesimpulan, Senarai Rujukan (mengikut format APA), dan Lampiran (jika perlu).
 - Semua tugas bertulis harus mempunyai muka depan (*cover*) yang memaparkan nama pelajar dan nombor matrik, nama pensyarah, tajuk tugas, tandatangan pelajar, dan Tarikh hantar.
 - Pelajar dikehendaki untuk menghantar tugas dalam bentuk *hard copy* dalam kelas, pada tarikh yang ditetapkan. Pelajar akan menerima salinan karbon rekod penghantaran dan penerimaan tugas daripada pensyarah.
- ii) Pembentangan perniagaan (*business pitching*) diperuntukkan 20%. Ia adalah tugas berkumpulan. Pelajar diberi masa 3 minit untuk membuat pembentangan dalam kelas, berserta dengan prototaip produk cadangan mereka. Antara perkara utama yang dinilai dalam pembentangan termasuklah isi kandungan (Pencadangan Nilai, Segmen Pelanggan, hasil analisis SWOT, hasil survei, dll), prototaip produk, kompetensi pembentangan, serta kemantapan menjawab persoalan dalam Q&A.

Additional information of the course Basic Entrepreneurship Enculturation (GIG1009)

Assessment

GIG1009 adopts a 100% continuous assessment, including a Quiz.

(a) Quiz accounts for 30% of the assessment, in the form of 30 multiple choice questions (MCQ). It can be conducted online or through the pencil-and paper method.

(b) Continuous assessments based on Written Assignment and Presentation.

i) There are three written assignments, namely Case Study (20%), Seminar Series (10%), and Business Plan (20%), all of which are group assignments.

- *This assignment is based on the stimulus materials provided by the lecturer. Students are to make critical review in answering 1-2 focus questions provided. Case study may take the forms of video materials, text, picture, or*

field observation. This assignment should not exceed 8 pages, and it should adhere to the format provided which are Times New Roman, font size 11, 1.5 spacing (excluding References and Attachment).

- *The Seminar Series assignment requires students to attend a seminar presented by an industry speaker. From the 10% allotted, 5% goes to short written assignment, in which students answer the focus questions provided by the lecturer using the information obtained in the seminar. The seminar also comprises a Q&A session. The remaining 5% is given based on students' participativeness during the seminar and the preparatory commitment before the seminar.*
 - *This Business Plan assignment involves students expressing their creative idea in a concise and practically presentable written form. The format of the assignment may vary across relevance and suitability of the focus chosen based on the pedagogical design. For instance, Business Marketing Plan may be relevant for a focus that is related to marketing. The assignment format is to be provided by the lecturer. Generally, some among the sectional content constituting the assignment are the Title of the Business Plan, Executive Summary, Main Content (e.g., Value Proposition, Customer Segment, Marketing Channels, SWOT Analysis, Partners, Projection of Profitability), Conclusion, References (APA format), and attachment (if necessary).*
 - *All written assignments should include a front cover which clearly displays the students' name and matric numbers, lecturer's name, title of the assignment, student's signature, dan submission date.*
 - *Assignments are submitted in hardcopy during the class time, at a date appointed. Students are to receive the carbon copy of assignment submission and receipt record from the lecturer upon submission.*
- ii) The presentation is in the form of business pitching, which accounts for 20%. It is a group assignment. Students are to present their business pitching along with the product prototype in the class. Some of the main assessment aspects include the content (Value Proposition, Customer Segment, Marketing Channel SWOT analysis, survey outcomes, etc), product prototype, pitching competency, and credibility of handling the Q&A session.*

GIG1011 – Jalinan Masyarakat

Kredit	:	3
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Malaysia
Kemahiran Insaniah	:	Pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat
Kaedah Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 100%
Pensyarah	:	Pensyarah Fakulti Undang-Undang/CITra

Pengenalan

Kursus Jalinan Masyarakat merupakan salah satu inisiatif pihak Universiti Malaya untuk melahirkan pelajar yang mampu bekerjasama dalam pasukan dan bersama komuniti, berkomunikasi dan juga salah satu komponen CSR oleh Universiti Malaya. Pada masa yang sama ia juga bertujuan untuk melahirkan graduan yang kreatif, berani dan berkeترampilan.

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

Di akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. Menunjukkan kepentingan jalinan masyarakat.
2. Bekerja dalam pasukan dan bersama masyarakat.
3. Menunjukkan kemahiran berkomunikasi yang baik dengan masyarakat.

Maklumat Tambahan Kursus Jalinan Masyarakat GIG1011

Kursus GIG1011 ini akan dinilai berdasarkan penilaian berterusan sepenuhnya. Penilaian ini akan dibahagikan kepada beberapa peringkat yang membawa jumlah markah keseluruhan sebanyak 100%.

Penilaian bagi kursus ini adalah seperti berikut:

1. Proposal (30%)
2. Jurnal Transformatif/ buku log/refleksi (20%)
3. Penilaian organisasi/komuniti (10%)
4. Laporan Akhir (20%)
5. Pembentangan (20%)

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI MALAYA (TATATERTIB PELAJAR-PELAJAR) 1999

Kelakuan semasa peperiksaan

8. Tiada pelajar boleh:

- (a) mengambil apa-apa buku, kertas kerja, dokumen, gambar atau benda lain, kecuali yang diberi kuasa oleh pemeriksa, ke dalam atau ke luar dari sesuatu bilik peperiksaan, atau menerima apa-apa buku, kertas kerja, dokumen, gambar atau benda lain daripada mana-mana orang lain semasa dalam bilik peperiksaan, kecuali seseorang pelajar boleh, semasa dia di dalam bilik peperiksaan, menerima daripada pengawas peperiksaan apa-apa buku, kertas kerja, dokumen, gambar atau benda lain yang telah disyorkan oleh pemeriksa atau Lembaga Pemeriksa, dan diberi kuasa oleh Naib Canselor;
- (b) menulis, atau telah menulisnya melalui orang lain, apa-apa maklumat atau gambar rajah yang mungkin berkaitan dengan peperiksaan yang didudukinya, di atas tangannya atau di atas mana-mana bahagian lain tubuh badannya, atau di atas pakaiannya;
- (c) berhubung dengan mana-mana pelajar lain semasa sesuatu peperiksaan melalui apa-apa jua cara; atau
- (d) menipu atau cuba untuk menipu atau berkelakuan mengikut cara yang boleh ditafsirkan sebagai menipu atau cuba untuk menipu dalam sesuatu peperiksaan, semasa peperiksaan itu sedang dijalankan.

BAHAGIAN V
TATACARA TATATERTIB

Hukuman tatatertib

48. Seseorang pelajar yang melakukan suatu kesalahan tatatertib di bawah Kaedah-Kaedah ini dan didapati bersalah atas kesalahan itu boleh dikenakan mana-mana satu atau mana-mana gabungan dua atau lebih hukuman yang sesuai yang berikut:
- (a) amaran;
 - (b) denda tidak melebihi dua ratus ringgit;
 - (c) dilarang daripada mana-mana bahagian atau bahagian-bahagian tertentu Universiti bagi tempoh yang ditetapkan;
 - (d) digantung daripada menjadi seorang pelajar Universiti bagi tempoh yang ditetapkan;
 - (e) dipecat dari universti.

Kehadiran di hadapan pihak berkuasa tatatertib

49. Jika pada pendapat pihak berkuasa tatatertib bahawa seorang pelajar telah melakukan suatu kesalahan tatatertib di bawah Kaedah-Kaedah ini, pihak berkuasa tatatertib hendaklah memberitahu pelajar tentang kesalahan tatatertib yang didakwa itu dan menghendaki pelajar itu hadir di hadapannya di suatu bilik tatatertib pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tatatertib.

Akibat tidak hadir di hadapan pihak berkuasa tatatertib

50. Jika seseorang pelajar tidak hadir di hadapan pihak berkuasa tatatertib mengikut kaedah 49, dia hendaklah dengan serta-merta digantung daripada menjadi pelajar Universiti dan tidak boleh selepas itu berada di dalam atau memasuki Kampus; penggantungan itu hendaklah berterusan sehingga pelajar menawar untuk hadir di hadapan pihak berkuasa tatatertib dan ada, hakikatnya, hadir di hadapan pihak berkuasa tatatertib pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tatatertib selepas pelajar itu menawarkan untuk hadir di hadapan pihak berkuasa tatatertib.

Penjelasan fakta dan pengambilan rayuan

51. Dalam prosiding tatatertib, pihak berkuasa tatatertib hendaklah menjelaskan kepada pelajar tentang fakta kesalahan tatatertib yang didakwa telah dilakukan oleh pelajar dan meminta pelajar membuat pengakuan atas kesilapan itu.

Pengakuan bersalah dan tatacara berikutnya

52. (1) Jika pelajar mengaku salah, pihak berkuasa tatatertib hendaklah menerangkan kepadanya tentang fakta kes.

- (2) Jika pelajar mengaku tentang fakta ini dan pihak berkuasa tatatertib berpuas hati bahawa suatu kesalahan pada hakikatnya telah dilakukan daripada fakta tersebut, pihak berkuasa tatatertib hendaklah mengumumkan dia bersalah atas kesalahan tatatertib dan memintanya untuk mengemukakan apa-apa rayuan untuk meringankan hukuman.

Tatacara apabila pelajar mengaku tidak bersalah

53. (1) Jika pelajar mengaku bahawa dia tidak bersalah atas kesalahan tatatertib atau gagal atau enggan membuat pengakuan atau tidak mengaku akan fakta kes, pihak berkuasa tatatertib hendaklah memeriksa mana-mana saksi atau apa-apa dokumen atau artikel lain bagi menyokong kes terhadap pelajar; pelajar hendaklah diminta menyoal saksi dan memeriksa apa-apa dokumen atau artikel dan pihak berkuasa tatatertib boleh memeriksa semula saksi.
 - (2) Bagi maksud subkaedah (1), saksi hendaklah dipanggil untuk memberi keterangan dalam pembicaraan oleh Naib Canselor.

Keterangan pelajar

54. Selepas keterangan yang tersebut dalam kaedah 53 diterima, dan pihak berkuasa tatatertib mendapati bahawa ada suatu kes untuk dijawab, pelajar hendaklah diminta memberi keterangannya, memanggil mana-mana saksi atau mengemukakan apa-apa dokumen atau apa-apa artikel lain bagi pembelaannya; pihak berkuasa tatatertib boleh menyoal pelajar atau mana-mana daripada saksi pelajar dan memeriksa apa-apa dokumen atau artikel, dan pelajar boleh memeriksa semula mana-mana daripada saksinya itu.

Memanggil semula saksi

55. Pihak berkuasa tatatertib boleh menyoal atau memanggil semula mana-mana saksi pada bila-bila masa sebelum pihak berkuasa itu mengumumkan keputusannya.

Pengumuman keputusan

56. Selepas mendengar keterangan saksi-saksi dan memeriksa dokumen atau artikel lain yang dikemukakan di hadapannya, pihak berkuasa tatatertib hendaklah mengumumkan keputusannya dalam kes itu, dan jika pihak berkuasa itu memutuskan bahawa pelajar adalah bersalah atas kesalahan tatatertib, pihak berkuasa itu hendaklah meminta pelajar membuat apa-apa rayuan untuk meringankan hukumannya.

Pengenaan hukuman

57. Selepas pelajar mengemukakan hujah bagi meringankan hukumannya, jika ada, di bawah kaedah 52 dan 56, mengikut mana-mana yang berkenaan, pihak berkuasa tatatertib hendaklah mengenakan ke atas pelajar satu daripada hukuman yang dinyatakan dalam kaedah 48 atau mana-mana dua atau lebih gabungan hukuman yang sesuai.

Jagaan dan pelupusan barang kes

58. (1) Pihak berkuasa tatatertib boleh memerintahkan apa-apa dokumen atau artikel lain yang dikemukakan di hadapannya dalam perjalanan mana-mana prosiding tatatertib supaya disimpan dalam jagaannya atau dalam jagaan orang yang dinyatakan oleh pihak berkuasa tatatertib sementara menanti tamatnya prosiding tatatertib itu.

- (2) Pihak berkuasa tatatertib hendaklah, apabila tamat prosiding tatatertib di hadapannya, membuat apa-apa perintah sebagaimana yang difikirkannya patut untuk melupuskan apa-apa dokumen atau artikel lain yang dikemukakan di hadapannya dalam perjalanan prosiding tatatertib, dan boleh mengarahkan supaya perintah itu mula berkuat kuasa sama ada secara serta-merta atau pada suatu masa yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tatatertib itu.
- (3) Kuasa pihak berkuasa tatatertib di bawah subkaedah (2) hendaklah termasuk kuasa untuk memerintahkan pemusnahan apa-apa dokumen atau artikel lain atau perlucutan dokumen atau artikel lain kepada Universiti.

Nota bertulis mengenai prosiding tatatertib

59. Pihak berkuasa tatatertib, hendaklah membuat atau menyebabkan supaya dibuat nota-nota bertulis mengenai semua prosiding tatatertib di hadapannya tetapi nota-nota itu tidak perlu dibuat kata demi kata.

Jagaan nota

60. Nota-nota mengenai prosiding tatatertib hendaklah disimpan dalam jagaan Naib Canselor.

Daftar prosiding tatatertib

61. Naib Canselor hendaklah menyelenggara suatu daftar bagi semua prosiding tatatertib yang dijalankan di bawah Kaedah-Kaedah ini; daftar itu hendaklah merekodkan nama pelajar, butir-butir kesalahan tatatertib, kemajuan perjalanan prosiding, keputusan prosiding, dan maklumat-maklumat atau butir-butir lain sebagaimana yang diarahkan oleh Naib Canselor.

Laporan prosiding kepada ibu bapa, Menteri, dsb.

62. (1) Jika seseorang pelajar telah didapati bersalah atas suatu kesalahan tatatertib, Naib Canselor hendaklah menghantar suatu laporan berkenaan dengan prosiding tatatertib itu kepada orang-orang berikut:
 - (a) Menteri;
 - (b) Ibu bapa atau penjaga pelajar;
 - (c) Dalam hal pelajar pemegang biasiswa, kepada pihak berkuasa atau badan biasiswa atau pemberi biasiswa itu; dan
 - (d) Dalam hal pelajar yang juga seorang pekerja Kerajaan, kepada Ketua Jabatan pekerja itu.
- (2) Orang yang tersebut dalam perenggan (b) hingga (d) subkaedah (1) hendaklah atas permohonan diberikan salinan nota prosiding tatatertib yang ditentukan setelah dibayar fi yang ditetapkan oleh Naib Canselor, yang fi itu tidak boleh, dalam apa-apa hal, lebih daripada lima puluh ringgit.
- (3) Suatu salinan nota prosiding tatatertib yang ditentukan berkenaan dengan mana-mana kes tertentu hendaklah diberi oleh Naib Canselor kepada Menteri jika Menteri berkehendakkan nota prosiding itu.

Bayaran denda

63. (1) Jika pihak berkuasa tatatertib mengenakan hukuman denda ke atas pelajar, pihak berkuasa tatatertib hendaklah menyatakan tempoh yang denda hendaklah dibayar dan pelajar hendaklah membayar denda dalam tempoh tersebut kepada Bendahari.
- (2) Tempoh yang tersebut dalam subkaedah (1) hendaklah tidak kurang dari empat belas hari dari tarikh keputusan pihak berkuasa tatatertib.

Tidak membayar denda

64. Jika pelajar tidak membayar denda dalam tempoh yang ditetapkan, dia hendaklah dengan serta-merta digantung daripada menjadi pelajar Universiti dan tidak boleh selepas itu berada di dalam atau memasuki Kampus; penggantungan itu hendaklah berterusan sehingga denda dibayar.

Perintah pampasan

65. (1) Jika apa-apa hukuman tatatertib telah dikenakan ke atas seseorang pelajar, pihak berkuasa tatatertib boleh, sebagai tambahan, memerintah pelajar membayar pampasan sebagaimana yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tatatertib berkenaan dengan apa-apa kerosakan pada mana-mana harta atau apa-apa kerugian atau kecederaan kepada mana-mana orang yang pelajar itu mungkin didapati bertanggungjawab atasnya oleh pihak berkuasa tatatertib itu.
- (2) Seseorang pelajar boleh diperintahkan membayar pampasan di bawah kaedah ini tidak kira sama ada harta yang rosak itu kepunyaan Universiti atau mana-mana orang lain.
- (3) Amaun pampasan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tatatertib di bawah subkaedah (1) hendaklah amaun yang adil dan munasabah dengan mengambil kira semua hal perkara kes dan orang yang terlibat dalam kes itu.
- (4) Pampasan yang ditetapkan di bawah subkaedah (1) hendaklah dibayar oleh pelajar kepada Bendahari dalam tempoh yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tatatertib.
- (5) Peruntukan kaedah 61 hendaklah terpakai *mutatis mutandis* jika pelajar gagal membayar pampasan yang ditetapkan di bawah subkaedah (1) dalam tempoh yang ditetapkan di bawah subkaedah (4).
- (6) Bendahari hendaklah membayar pampasan yang dibayar oleh pelajar di bawah subkaedah (4) kepada orang yang ditentukan oleh pihak berkuasa tatatertib sebagai orang yang berhak menerima bayaran.
- (7) Apa-apa pampasan yang kena dibayar atau dibayar di bawah Kaedah-Kaedah ini hendaklah tanpa menjejaskan hak mana-mana orang untuk memulakan prosiding sivil dalam mahkamah undang-undang bagi kerosakan atau pampasan berkenaan dengan kerosakan, kerugian atau kecederaan yang tersebut dalam subkaedah (1), atau hak mana-mana orang untuk menerima apa-apa bayaran atau pampasan di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain berkenaan dengan kerosakan, kerugian atau kecederaan itu.

Orang yang boleh hadir dalam prosiding tatatertib

66. Tiada seorang pun boleh hadir dalam sesuatu prosiding tatatertib kecuali:
- (a) Anggota pihak berkuasa tatatertib;
 - (b) Pelajar yang terhadapnya prosiding tatatertib diambil;
 - (c) Ibu bapa atau penjaga pelajar;
 - (d) Saksi semasa dia memberi keterangan, atau apabila dikehendaki oleh pihak berkuasa tatatertib; dan
 - (e) Mana-mana orang lain yang dibenarkan hadir oleh pihak berkuasa tatatertib bagi apa-apa sebab yang tertentu.

BAHAGIAN VI

RAYUAN

Notis Rayuan

67. (1) Jika seseorang pelajar tidak berpuas hati dengan keputusan suatu pihak berkuasa tatatertib, dia boleh memberi notis secara bertulis tentang niatnya untuk merayu terhadap keputusan itu dengan memfailkan dengan Naib Canselor suatu notis rayuan dalam dua salinan dalam masa tiga puluh hari dari tarikh keputusan itu disampaikan kepadanya.
- (2) Notis rayuan itu hendaklah menyatakan dengan jelas alasan-alasan rayuan.

Penyampaian rayuan kepada Menteri

68. Naib Canselor hendaklah, apabila menerima notis rayuan, mengemukakan notis rayuan kepada Menteri bersama dengan suatu salinan nota prosiding tatatertib yang berkenaan dengannya notis rayuan itu diberi dan alasan keputusan.

Tindakan Menteri ke atas rayuan

69. (1) Menteri boleh, apabila menerima dokumen yang tersebut dalam kaedah 68 daripada Naib Canselor, meminta apa-apa maklumat atau butir-butir lanjut yang berhubung dengan prosiding tatatertib sebagaimana yang dia fikirkan patut.
- (2) Jika menteri menolak terus rayuan di bawah subseksyen 16B(4) Akta, keputusan Menteri hendaklah disampaikan kepada pelajar melalui Naib Canselor.
- (3) Jika Menteri melantik suatu jawatankuasa di bawah subseksyen 16B(5) Akta untuk menimbangkan rayuan itu, keputusan Menteri mengenai rayuan itu yang dibuat selepas menerima syor jawatankuasa hendaklah disampaikan kepada pelajar melalui Naib Canselor.

Rayuan tidak berkuat kuasa sebagai penggantungan pelaksanaan hukuman

70. Suatu rayuan oleh seseorang pelajar tidak berkuat kuasa sebagai menggantung pelaksanaan hukuman yang dikenakan atau sebagai menggantung pembayaran apa-apa pampasan yang diperintahkan dibayar, melainkan jika Naib Canselor atau Menteri mengarahkan sebaliknya.

RANCANGAN PENDIDIKAN UNDANG-UNDANG LANJUTAN ***Legal Education Extension Programme (LEEP)***

Rancangan Pendidikan Undang-Undang Lanjutan (LEEP) telah dimulakan oleh Fakulti Undang-Undang pada tahun 1993 untuk merangka satu siri kursus-kursus pendek dalam bidang undang-undang. Ia berasaskan hakikat bahawa peranan Fakulti Undang-Undang harus diperkembangkan dan tidak semata-mata menghadkan matlamatnya kepada keperluan di peringkat Sarjana sahaja. Oleh kerana undang-undang adalah satu bidang yang dinamik, seseorang profesional undang-undang, 'para-legal' atau mereka yang berminat perlu sentiasa didedahkan kepada perkembangan mutakhir undang-undang.

PENERBITAN FAKULTI

Fakulti menerbitkan jurnal akademik iaitu *Journal of Malaysian and Comparative Law (JMCL)*

Journal of Malaysian and Comparative Law (JMCL)

Journal of Malaysian and Comparative Law (JMCL) ialah penerbitan utama Fakulti. Kandungannya selalu menggambarkan dwi sifatnya sebagai satu jurnal Undang-Undang Malaysia dan Undang-Undang Perbandingan. Dimulakan dalam tahun 1974, JMCL telah mendapat pengiktirafan di dalam dan di luar negeri sebagai satu jurnal undang-undang yang bermutu dan terkenal. Jurnal ini telah menerbitkan sumbangan sarjana dari seluruh dunia. JMCL diterbitkan dua kali setahun dan langganan tahunan ialah RM120.00. Jurnal ini boleh diperolehi di Fakulti Undang-Undang.

KULIAH UMUM

Siri Kuliah Undang-Undang Sultan Azlan Shah

Siri Kuliah Undang-Undang Sultan Azlan Shah diadakan secara tahunan untuk menghormati sumbangan Duli Yang Maha Mulia Sultan Azlan Shah kepada perkembangan undang-undang di Malaysia dan kepada Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya. Semenjak kuliah pertama pada tahun 1986, ramai hakim dan ahli akademik yang terkemuka dari negara-negara Komanwel telah dijemput untuk menyampaikan kuliah dalam pelbagai aspek undang-undang. Fakulti Undang-Undang dan British Council adalah penganjur bersama siri kuliah ini.

Siri Kuliah Peringatan Tun Mohamed Suffian

Siri Kuliah Peringatan Tun Mohamed Suffian telah dimulakan untuk menghormati Allahyarham Tun Mohamed Suffian, bekas Ketua Hakim Negara Malaysia bagi sumbangannya yang bermakna kepada perkembangan Undang-Undang Perlembagaan Malaysia. Kuliah ini diadakan sekali dalam jangkamasa dua tahun dan dibiayai oleh Yayasan Tun Mohammed Suffian. Kuliah yang pertama disampaikan pada tahun 1989.

PERPUSTAKAAN UNDANG-UNDANG TAN SRI PROFESOR AHMAD IBRAHIM

1. Pengenalan

Perpustakaan Undang-Undang diwujudkan secara rasmi pada tahun 1972, selaras dengan penubuhan Fakulti Undang-Undang. Sebelum itu, koleksi undang-undang diletakkan dibawah koleksi Perpustakaan Utama, Universiti Malaya.

Pada 18 Jun 1999, Perpustakaan Undang-Undang berpindah ke bangunan baru dan dinamakan Perpustakaan Undang-Undang Tan Sri Profesor Ahmad Ibrahim untuk menghargai sumbangan beliau terhadap Fakulti Undang-Undang dan Perpustakaan Undang-Undang.

2. Waktu Pembukaan

Waktu Pembukaan

Isnin – Jumaat

Sabtu – Ahad

Cuti Am

Masa

8.00 pagi – 10.30 malam

9.00 pagi – 4.30 petang

Tutup

3. Keahlian

Pelajar dan staf Universiti Malaya adalah layak menjadi ahli perpustakaan. Pelajar dikehendaki memaparkan kad matrik setiap kali memasuki Perpustakaan dan adalah diingatkan bahawa kad matrik sama sekali tidak boleh dipindah milik.

4. Koleksi

Koleksi Perpustakaan Undang-Undang adalah yang terbesar dan paling komprehensif di Malaysia. Sehingga kini, terdapat lebih daripada 124,000 naskah. Koleksi tersebut dibahagi dan disusun mengikut jenis dan liputan tertentu.

Aras Bawah

Koleksi Malaysiana

Bahan bacaan undang-undang tempatan mengenai Malaysia, ditulis oleh warga Malaysia dan diterbitkan di dalam atau di luar negara, terdiri daripada kedua-dua sumber primer dan sekunder seperti perundangan, kes undang-undang, warta kerajaan, perbahasan parlimen, buku teks dan soalan peperiksaan.

Koleksi Buku Teks

Buku teks meliputi pelbagai topik undang-undang dan bidang kuasa disusun mengikut kod topik. Kod topik ada dipapar untuk panduan pengguna.

Koleksi Bacaan Bebas

Bahan-bahan dalam koleksi ini terdiri daripada bahan bacaan ringan meliputi fiksyen, pengetahuan am, kesihatan, psikologi dan motivasi.

Koleksi Braille

Terdapat hampir 300 judul bahan dalam format Braille yang boleh digunakan oleh pelajar istimewa.

Aras 1

Koleksi Rujukan

Koleksi ini hanya boleh digunakan di dalam Perpustakaan sahaja. Koleksi ini terdiri daripada buku-buku rujukan seperti ensiklopedia, kamus, buku panduan, Halsbury, digest, maxim, buku tahunan, abstrak, "citators" dan indeks.

Koleksi Laporan Undang-undang Negara Komanwel & Bukan Komanwel

Koleksi ini terdiri daripada kes-kes mahkamah dari pelbagai negara komanwel di antaranya India, Pakistan, Australia, United Kingdom dan Amerika Syarikat.

Aras 2

Koleksi Akses Tertutup

Koleksi ini hanya boleh diakses oleh kakitangan Perpustakaan sahaja. Ia terdiri daripada tesis dan disertasi, latihan ilmiah, kertas persidangan yang telah diterbitkan, kertas persidangan yang tidak diterbitkan dan bahan helai cerai.

Koleksi Jurnal

Koleksi jurnal berjilid dan jurnal kini bukan tempatan ditempatkan di sini. Jurnal disusun mengikut judul dan senarai jurnal ada disimpan di Kaunter Perkhidmatan di Aras Bawah.

Koleksi Teras Akademik

Koleksi ini diletakkan bersama-sama dengan Koleksi Akses Tertutup. Ia merupakan senarai bacaan yang dicadangkan oleh pensyarah untuk rujukan pelajar dan boleh dipinjam untuk tempoh tiga (3) hari.

Aras 3

Koleksi Undang-Undang Antarabangsa

Sumber-sumber yang berkaitan dengan perjanjian dan bahan-bahan yang berkaitan dengan perundangan mahkamah dan tribunal antarabangsa, dokumentasi rasmi dan tulisan-tulisan ilmiah dalam undang-undang antarabangsa, termasuk penerbitan dan jurnal serta maklumat mengenai panduan penyelidikan, buku teks dan penerbitan dari United Nation.

Koleksi Sumber Elektronik

Perpustakaan melanggan pangkalan data dalam pelbagai bidang pengajian. Pangkalan data ini boleh diakses menerusi laman portal Interaktif di <http://www.diglib.um.edu.my/interaktif/>

Di antara pangkalan data elektronik yang disediakan ialah :

- Akademik Search Elite@EBSCOhost
- Cambridge Journals Online (2011 – 2015)
- CLJ Law
- Hart Publishing e-Books
- Hein Online

- LawNet
- Lexis Advance®Malaysia
- Oxford University Press Journals (2010 – 2015)
- SAGE Journals
- Taylor & Francis Online (2012 – 2015)

5. Perkhidmatan

- **Orientasi Perpustakaan**
Orientasi perpustakaan dilaksanakan kepada semua pelajar baru dimana pelajar akan diperkenalkan kepada koleksi, perkhidmatan dan kemudahan yang terdapat di Perpustakaan Undang-Undang.
- **Pembekalan Dokumen dan Pinjaman Antara Perpustakaan**
Perkhidmatan mendapatkan salinan artikel dan Pinjaman Antara Perpustakaan ini disediakan untuk semua kakitangan akademik, pelajar Ijazah Tinggi dan pelajar tahun akhir Ijazah Dasar (Pembekalan Dokumen sahaja). Perkhidmatan ini membantu membekalkan bahan yang tidak terdapat di Perpustakaan Universiti Malaya. Pengguna yang memerlukan perkhidmatan ini boleh berhubung dengan Pustakawan Rujukan di Aras Bawah.
- **Pendeta Discovery (pendeta.um.edu.my)**
Pendeta Discovery merupakan katalog akses atas talian Perpustakaan Universiti Malaya yang membolehkan anda mencari semua jenis bahan yang terdapat dalam koleksi perpustakaan.
- **Indeks iMalaysiana (pendeta.um.edu.my)**
iMalaysiana merupakan satu indeks yang diwujudkan untuk mengindeks bahan Malaysiana yang terdapat dalam simpanan Perpustakaan Universiti Malaya. Bahan ini merujuk kepada bab buku, jurnal arkitel dan kertas persidangan yang diterbitkan di Malaysia, ditulis oleh rakyat Malaysia atau berkaitan dengan Malaysia.
- **Pengemaskinian Undang-Undang Malaysia**
Pengemaskinian sumber utama undang-undang dilakukan selaras dengan perubahan yang dibuat oleh Parlimen Malaysia dan setiap Dewan Undangan Negeri.
- **Pinjaman**
Koleksi buku rak terbuka dan buku bacaan bebas boleh dipinjam oleh pelajar ijazah dasar dan pelajar ijazah tinggi sebanyak dua buah buku bagi satu bulan.
- **Rujukan**
Pustakawan profesional yang berkelayakan bersedia membantu dan menghulur bantuan berkaitan perkhidmatan perpustakaan kepada tenaga pengajar dan pelajar Universiti Malaya serta para penyelidik dari universiti tempatan dan luar negara, pengamal undang-undang, ahli-ahli badan kehakiman dan ahli luar Perpustakaan.
- **Sesi Kemahiran Maklumat**
Ditawarkan kepada pelajar Ijazah Tinggi dan para akademik Fakulti Undang-Undang dimana pelajar diperkenalkan kepada bahan-bahan yang terdapat di perpustakaan seperti buku, jurnal,

tesis dan disertasi serta diajar cara mengguna sumber elektronik yang dilanggan perpustakaan serta menggunakan aplikasi Endnote untuk mengaturcara senarai rujukan.

- **Sudut Akhbar**

Pengguna boleh membaca surat khabar *The Sun* yang disediakan di Aras Bawah Perpustakaan.

6. Kemudahan

- **Bilik Perbincangan**

Empat (4) buah bilik perbincangan yang boleh menampung lapan (8) orang pengguna boleh digunakan pada bila-bila masa. Pendaftaran boleh dibuat di Kaunter Informasi di Aras Bawah untuk tempahan.

- **Fotokopi**

Kemudahan membuat salinan boleh didapati di Aras 1. Pengguna diingatkan bahawa kebenaran membuat salinan bahan perpustakaan adalah tertakluk kepada Akta Hak Cipta Malaysia 1987. Kemudahan fotokopi layan diri juga terdapat di Aras Bawah dan Aras Satu.

- **Karel**

Terdapat dua belas (12) buah karel untuk pelajar ijazah Tinggi secara harian. Pelajar yang berminat adalah dinasihatkan untuk menempah di Kaunter Informasi.

- **Komputer**

Terdapat sebelas (11) buah komputer bagi kemudahan pengguna untuk mengakses sumber elektronik perpustakaan dan membuat pencarian.

- **Loker / Rak Menyimpan Beg**

Pengguna boleh menyimpan barangan mereka di sini. Namun, pihak Perpustakaan tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kehilangan barang yang disimpan di loker tersebut.

- **Bilik Moot**

Bilik Moot merupakan kemudahan terkini untuk kegunaan pelajar membuat persediaan bagi pertandingan MOOT.

- **Ruang membaca**

Kemudahan ini disediakan di setiap aras. Terdapat 'Zon Senyap 'di Aras 2 sebagai memenuhi permintaan pelajar bagi tempat yang senyap untuk mengulangkaji.

- **Wifi**

Premis perpustakaan dilengkapi dengan kemudahan wifi. Pengguna perlu mendaftar dengan Pusat Teknologi Maklumat sebelum boleh mengguna kemudahan ini.

7. Cadangan / Aduan

Perpustakaan mengalu-alukan sebarang cadangan, komen atau aduan untuk mempertingkatkan dan membaiki mutu perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan. Sila kemuka cadangan, komen atau aduan terus kepada umlibweb@um.edu.my atau peti cadangan/aduan yang disediakan Perpustakaan.

8. Peraturan

- Guna kad ahli sendiri semasa memasuki Perpustakaan. Penggunaan kad ahli pengguna lain dilarang.
- Sunyi senyap hendaklah diamalkan.
- Berpakaian sopan dan tidak menjolok mata.
- Dilarang menggunakan telefon bimbit di ruang bacaan.
- Dilarang membawa masuk minuman dan makanan.
- Dilarang merokok di Perpustakaan.
- Kanak-kanak, haiwan peliharaan, beg, fail berzip, payung, topi keledar, botol minuman atau bungkusan tidak boleh dibawa masuk.
- Sesiapa yang didapati mengoyak/merosakkan atau mencuri bahan perpustakaan akan dikenakan tindakan tatatertib.
- Tempahan tempat duduk tidak dibenarkan.
- Letakkan buku yang telah digunakan di atas troli yang disediakan.
- Semua buku, fail dan tas tangan mesti ditunjuk untuk diperiksa apabila dikehendaki berbuat demikian.

Kakitangan Perpustakaan berhak mengarahkan mana-mana pengguna keluar dari Perpustakaan jika didapati tidak mematuhi arahan di atas.

9. Bantuan Kepada Pengguna

- **Waktu Pejabat (8.00 pagi – 5.00 petang)**
Encik Mohammed Zaki Abd Rahman (Pustakawan Rujukan)
No. Tel : 03-7967 6516
- **Selepas Waktu Pejabat (5.00 petang – 10.00 malam)**
Staf bertugas di Kaunter Perkhidmatan
No. Tel : 03-7967 6514
- **Pustakawan**
Puan Ratnawati Sari Mohamad Amin (Ketua)
Emel : ratna@um.edu.my
No. Tel : 03-79676515

En Mohammed Zaki Abd Rahman
Emel : mzaki@um.edu.my
No. Tel : 03-7967 6516

Puan Haniza Adnan
Emel : ahaniza@um.edu.my
No. Tel : 03-79676583

10. Alamat:

Perpustakaan Undang-Undang
Tan Sri Profesor Ahmad Ibrahim

Bangunan Sultan Azlan Shah
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur
MALAYSIA

No. Tel : 03-7967 6514

No. Faks : 03-7967 6517

URL : <https://umlib.um.edu.my>

WebPAC : <https://pendeta.um.edu.my>

Email : umlibweb@um.edu.my

Fb : [www.facebook.com/Tan Sri Professor Ahmad Ibrahim Law Library](http://www.facebook.com/TanSriProfessorAhmadIbrahimLawLibrary)

Twitter : Tweets by@UniMalayaLib